



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KAJIAN EKSPLORASI PERKEMBANGAN
KOGNITIF KANAK-KANAK UMUR 5-6
TAHUN DALAM KALANGAN IBU
TUNGGAL DI SELONG,
LOMBOK TIMUR**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAILATUL ISMI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KAJIAN EKSPLORASI PERKEMBANGAN KOGNITIF
KANAK-KANAK UMUR 5-6 TAHUN
DALAM KALANGAN IBU TUNGGAL
DI SELONG, LOMBOK TIMUR

LAILATUL ISMI

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



Please tick (✓)

Project Paper

Masters by Research

Master by Mixed Mode

PhD

✓

INSTITUTE PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 08-02-2022

i. Perakuan Pelajar:

Saya **LAILATUL ISMI (M20191000900)**, **FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** dengan ini mengaku bahawa Disertasi/Tesis yang bertajuk **KAJIAN EKSPLORASI PERKEMBANGAN KOGNITIF KANAK-KANAK DALAM KALANGAN IBU TUNGGAL DI SELONG, LOMBOK TIMUR** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan nama-nama hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang di benarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan jelas dan secukupnya.

Tanda tangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya **PROF. MADYA DR. NORDIN MAMAT** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KAJIAN EKSPLORASI PERKEMBANGAN KOGNITIF KANAK-KANAK DALAM KALANGAN IBU TUNGGAL DI SELONG, LOMBOK TIMUR** dihasilkan oleh pelajar seperti nama diatas dantelah diserahkan kepada Institute Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**.

Prof. Madya Dr. Nordin Mamat
Pesyarah Kanan
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

08/02/2022

Tarikh

Tanda tangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title : KAJIAN EKSPLORASI PERKEMBANGAN KOGNITIF KANAK-KANAK
DALAM KALANGAN IBU TUNGGAL DI SELONG, LOMBOK TIMUR

No. Matrik / Matric's No.: M20191000900

Saya / I : LAILATUL ISMI

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Ijazah Sarjana Pendidikan)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD /
OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 24/01/2021

Prof. Madya Dr. Nordin Mamat
Pesyarah Kanan
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)



PENGHARGAAN

Segala puji bagi Tuhan yang Maha pengasih lagi maha penyayang. Bersyukur atas nikmat dan karunia yang telah diberikan, terutamanya nikmat sihat dan kelancaran atas segala urusan. Oleh itu dengan izinnya saya dapat menyiapkan penyelidikan dalam tempoh yang ditetapkan bagi memenuhi syarat sarjana pendidikan.

Ucapan terima kasih saya ucapkan kepada Prof. Madya Dr. Nordin Mamat selaku penyelia dalam penyelidikan ini, atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang beliau berikan dari awal sehingga menyelesaikan penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih sebesar-sebesarnya juga kepada pihak LPP NTB yang sudah memberikan kepercayaan kepada saya sebagai penerima beasiswa master. Serta terima kasih telah membantu dalam mewujudkan salah satu cita-cita saya.

Terima kasih juga kepada ibu bapa saya yang selalu memberikan sokongan dan selalu mengirimkan doa untuk kelancaran segala urusan saya. Dan ucapan terima kasih kepada semua keluarga saya, serta rakan-rakan yang telah memberikan sokongan dan turut membantu saya sepanjang pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Jasa kalian semua akan senantiasanya dikenang dan semoga kebahagiaan serta kejayaan akan menjadi milik kita bersama di dunia dan akhirat.





ABSTRAK

Tujuan kajian adalah untuk mengenalpasti tahap perkembangan kognitif kanak-kanak dalam kalangan ibu tunggal dan meneroka pengaruh amalan penglibatan ibu tunggal di rumah di Daerah Selong, Lombok Timur, Indonesia. Aspek-aspek yang ditinjau adalah tahap perkembangan kognitif bidang matematik awal dan sains awal kanak-kanak. Kaedah digunakan dalam kajian ini dengan reka bentuk campuran iaitu kuantitatif dan kualitatif. Sampel untuk tinjauan terdiri daripada 100 ibutunggal yang dipilih dari 27 buah TADIKA di Selong, Lombok Timur, Indonesia. Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data kuantitatif adalah menggunakan soal selidik. Sampel untuk data kualitatif terdiri daripada 6 orang guru TADIKA dan 6 ibu tunggal. Sedangkan instrumen kualitatif menggunakan temu bual. Seterusnya data yang dikumpulkan pada fasa pertama menggunakan instrumen soal selidik. Dapatan menunjukkan tahap perkembangan kognitif kanak-kanak secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi ($\text{min}=3.70$). Amalan penglibatan ibu tunggal mencatatkan tahap tinggi iaitu ($\text{min} = 3.52$). Selain itu, analisis korelasi menunjukkan hubungan positif yang kuat ($r = 0.638$) antara perkembangan kognitif kanak-kanak dengan amalan penglibatan ibu tunggal di rumah. Analisis ANOVA mendapati nilai $p = .645$ menunjukkan faktor penglibatan ibu tunggal di rumah mempengaruhi perkembangan kognitif kanak-kanak. Hasil dapatan kualitatif menunjukkan ada lima komponen yang dapat dijadikan sebagai strategi oleh subjek untuk menyokong perkembangan kognitif anak iaitu menerima kanak-kanak, menciptakan suasana yang menyenangkan, memahami pemikiran, perasaan dan perilaku anak, mampu menempatkan diri, dan meluangkan masa bersama kanak-kanak. Implikasi kajian ini menunjukkan elemen perkembangan kognitif dan penglibatan ibu tunggal mempunyai perkaitan yang rapat dan perlu diberikan perhatian terutama sekali diperingkat TADIKA. Selanjutnya, kajian ini mencadangkan unsur-unsur perkembangan kognitif dan penglibatan ibu tunggal harus diberi perhatian.

Kata Kunci: *Penglibatan Ibu Tunggal, perkembangan kognitif*





EXPLORATORY STUDY OF COGNITIVE DEVELOPMENT OF CHILDREN AGED 5-6 YEARS AMONG SINGLE MOTHERS IN SELONG, EAST LOMBOK

ABSTRACT

The purpose of the study was to identify the level of children's cognitive development among single mothers and explore the influence of single mother involvement practices at home in Selong District, East Lombok, Indonesia. The surveyed were the level of cognitive development early mathematics and early childhood science. The mixed method used in this study such as quantitative and qualitative. The sample for the survey consisted of 100 single mothers selected from 27 kindergartens in Selong, East Lombok, Indonesia. The instrument used to obtain quantitative data was to use a questionnaire. The sample for qualitative data consisted of 6 TADIKAs teachers and 6 single mothers. The interview protocol was used to interview single mothers and teachers. Next, the data collected in the first phase using a questionnaire instrument. The data obtained in the second phase was analyzed using manual analysis. The results of the study indicated that children's overall cognitive development levels are at a high level (min=3.70). Whereas the involvement of practice of single mothers recorded at a high level (min = 3.52). In addition, correlation analysis indicates a strong positive relationship ($r = 0.638$) between children's cognitive development with single mother involvement practices at home. ANOVA analysis showed $p = .645$ that the factors of single mothers' involvement at home influence children's cognitive development. Qualitative showed that are five components that can be used as a strategy by the subject to support the child's cognitive development is accepted the child, create a fun atmosphere, understood the child's thoughts, feelings, and behaviors, be able to place themselves, and spend time with the child's. The implications of this study show that the elements of cognitive development and the involvement of single mothers are closely related and need to be given attention, especially at the TADIKAs level. Furthermore, this study suggests that elements of cognitive development as well as single mother involvement should be given later.



**SENARAI KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Tujuan Kajian	14
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Persoalan Kajian	15
1.7 Hipotesis	16



1.8	Kerangka Konseptual	17
1.9	Kepentingan Kajian	18
1.10	Batasan Kajian	19
1.11	Definisi Operasional	20
1.12	Rumusan	26

BAB 2 TNJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	27
2.2	Perkembangan Kognitif Anak	28
2.2.1	Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget	30
2.2.2	Peringkat-Peringkat Perkembangan Kognitif	32
2.2.3	Teori Perkembangan Kognitif Lev Vygotsky	34
2.2.4	Bidang Pengembangan Kognitif Anak	37
2.3	Penglibatan Ibu Bapa	44
2.4	Pemglibatan Ibu Bapa Terhadap Perkembangan Kognitif Kanak-kanak	53
2.5	Kajian Lepas	55
2.6	Rumusan	60

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	61
3.2	Reka Bentuk Kajian	62
3.3	Tempat Kajian	71
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	71
3.5	Instrumen Kajian	74
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	84
3.7	Analisis Data	85

3.8	Kesahan dan Kebolehppercayaan	90
3.8.1	Uji Kesahan Instrumen	91
3.3.1	Uji Kebolehppercayaan Instrumen	102
3.9	Kajian Rintis	104
3.10	Etika Penyelidikan	106
3.11	Rumusan	107

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	108
4.2	Analisis Deskriptif	109
4.2.1	Analisis Bahagian A: Demografi Responden	110
4.2.2	Analisis Bahagian B: Hasil Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian	114
4.3	Analisis Inferensi	117
4.3.1	Analisis Bahagian C: Hasil Kajian Berdasarkan Hipotesis Kajian	117
4.4	Pandangan Guru dan Ibu Tunggal Tentang Perkembangan Kognitif Kanak-kanak	121
4.5	Strategi Amalan Keibubapaan Yang Sesuai Digunakan Ibu Tunggal Dalam Mengatasi Gangguan Perkembangan Kognitif Kanak-kanak	140
4.6	Rumusan	143

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	144
5.2	Perbincangan Ringkasan Dapatan Kajian	145
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	146
5.4	Implikasi Kajian	157
5.5	Sumbangan Kajian	161

5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	162
5.7	Kesimpulan	163
RUJUKAN		165
LAMPIRAN		172

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Item Positif dan Negatif	77
3.2	Kod Respon Bagi Item Positif	77
3.3	Kod Respon Bagi Item Negatif	77
3.4	Inventori Perkembangan Konstruk-konstruknya	78
3.5	Taburan Item Mengikut Amalan Penglibatan Ibu Tunggal	79
3.6	Skala Likert Lima Mata Soalan Selidik C	79
3.7	Skala Likert Lima Mata Soalan Selidik A	87
3.8	Interpretasi Skor Min Bagi Skala Likert 5 Poin	88
3.9	Tahap Kekuatan Perhubungan Antara Pembolehubah Kajian	89
3.10	Hasil Nilai Kesahan Muka Berdasarkan Penilaian Pakar	94
3.11	Hasil Kesahan Kandungan Konstruk 1	95
3.12	Hasil Kesahan Kandungan Konstruk 2	96
3.13	Tahap Kebolehpercayaan	103
3.14	Hasil Ujian Kebolehpercayaan Soal Selidik Setiap Konstruk Bagi Ujian Rintis	105
4.1	Taburan Kekerapan dan Pertausan Responden Mengikuti Umur	111
4.2	Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden	112

4.3	Taburan Responden Berdasarkan Pekerjaan	113
4.4	Taburan Konstruk Perkembangan Kognitif Bidang Matematik	114
4.5	Taburan Konstruk Perkembangan Kognitif Bidang Matematik	115
4.6	Analisis Min dan Sisihan Piawai Perkembangan Kognitif Bidang Matematik	116
4.7	Taburan Konstruk Perkembangan Kognitif Bidang Sains	116
4.8	Analisis Min dan Sisihan Piawai Perkembangan Kognitif Bidang Sains	117
4.9	Ujian ANOVA Penglibatan Ibu Tunggal Berdasarkan Pekerjaan	119
4.10	Ujian ANOVA Penglibatan Ibu Tunggal Berdasarkan Pendapatan	119
4.11	Hasil Ujian Korelasi Person bagi Hubungan Tahap Perkembangan Kognitif Bidang Matematik dengan Penglibatan Ibu Tunggal	120
4.12	Kod Yang Digunakan untuk Melporkan Hasil Temu Bual	122
4.13	Transkripsi Temubual	123
4.14	Matrix Intersection Perkembangan Kognitif Kod yang Digunakan untuk Melapor Hasil Temubual	132
4.15	Dokumen yang Dianalisis untuk Mencari Strategi yang Sesuai dalam Perkembangan Kognitif	141



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual	17
3.1	Reka Bentuk Kajian	65
3.2	Prosedur Menjalankan Kajian	70
4.1	Pengalaman Subjek dalam Menyokong Perkembangan Kognitif Kanak-Kanak	130



SENARAI SINGKATAN

DJPAUD Direktorat Jenderal Pendidikan Anak Usia Dini

F Frekuensi

PAKK Pendidikan Awal Kanak-kanak

PAUD Pendidikan Anak Usia Dini

PMPK Peraturan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan

SMA Sekolah Menengah Atas

SMP Sekolah Menengah Pertama

TK Taman Kanak-Kanak

SENARAI LAMPIRAN

Muka Surat

A	Surat Lantikan Pakar Kesahan Kandungan	172
B	Borang Soal Selidik Penyelidikan	175
C	Borang Temubual	185



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Setiap individu mempunyai naluri untuk berpasangan dan berkasih sayang. Rasa kasih dan sayang antara dua individu berlainan jantina dapat disalurkan melalui sebuah perkahwinan yang sah dan diiktirafkan oleh agama. Perkahwinan juga mempunyai objektif tertentu bagi pasangan iaitu bagi memelihara kehormatan diri dalam melaksanakan tuntutan dan kewajipan agama. Perkahwinan juga dapat mewujudkan ikatan kasih sayang diantara pasangan suami dan isteri. Melalui perkahwinan juga pasangan suami isteri dapat menambah zuriat daripada satu





generasi ke generasi seterusnya. Setelah pasangan suami isteri period yang telah sah diijabkabulkan perlu menjalankan kewajipan dan tanggung jawab sebagai suami isteri dalam keadaan yang aman damai, harmoni, saling hormat menghormati dan berkasih sayang.

Setiap individu yang melangsungkan perkahwinan sememangnya akan mengharapkan perkahwinan yang dibina bertahan dan kekal bahagia sehingga ke akhir hayat. Walau bagaimanapun, krisis dan konflik yang berlaku dan tidak ditangani dengan cara yang berkesan menyebabkan ramai pasangan mengambil keputusan untuk menamatkan hubungan suami isteri dan bercerai. Bentuk perkahwinan ditamatkan melalui dua cara iatu melalui perceraian atau pembubaran atau lebih dikenali dengan istilah fasakh. Perceraian sah apabila suami telah melafazkan cerai atau talak kepada isteri dan seterusnya mendaftarkan perceraian tersebut di mahkamah.

Menurut Charlesworth dan Nathan (1982, dalam Mahmood Nazar Mohamed 1922), kadar perceraian antara ibu bapa pada zaman sekarang semakin meningkat. Hampir setengah daripada perkahwinan di Negara-negara barat diakhiri dengan perceraian dan hampir 40 peratus daripada kanak-kanak di Negara barat hanya tinggal dengan satu penjaga sama ada kanak-kanak tersebut tinggal bersama ibu atau bapa mereka. Sebagaimana kita ketahui bahawa zaman kanak-kanak merupakan zaman terpenting untuk membentuk personaliti diri, perkembangan kognitif dan sebagainya.





1.2 Latar Belakang Kajian

Merujuk daripada perundang-undangan Negara Nombor 20 pada tahun 2003 yang mengatur tentang Sistem Pendidikan Negara menyebutkan bahawa pendidikan awal kanak-kanak adalah upaya untuk merangsang perkembangan kanak-kanak dari kelahiran hingga usia 6 tahun yang dilakukan melalui pemberian rangsangan pembelajaran dalam membantu pertumbuhan dan perkembangan jasmani dan rohani sehingga anak mempunyai kesiapan untuk melanjutkan pelajaran. Tempoh masaber ini kerap disebut sebagai zaman keemasan (*golden age*). Masa keemasan menurut Harun Rasyid (2012) menyebutkan bahawa zaman kanak-kanak yang akan mudah diterima, diikuti, dilihat, dan didengar segala yang dicontohi, ditunjukkan dan didengar. Masa keemasan adalah tempoh di mana seorang kanak-kanak mengalami kebolehan perkembangan fizikal dan bukan fizikal, yang dengan cepat mempengaruhi sikap dan perwatakan anak di masa depan (Riany Ariesta, 2012).

Perkembangan kanak-kanak adalah penyatuan dari aspek pengembangan nilai-nilai keagamaan dan moral, fizikal-motor, kognitif, bahasa, dan sosial-emosi, danjuga seni. (Permendikbud Nomor 137 Tahun 2014 Pasal 7 ayat 1 dan 3). Salah satu fokus pengembangan pendidikan awal kanak-kanak yang mesti dicapai adalah aspek kognitif. Kognitif dianggap sebagai suatu kajian yang berkaitan tentang proses mental yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan





pembelajaran. Kognisi merupakan satu proses intelektual (Suppiah, 2013a, 2014b). Kognitif berkait rapat dengan informasi yang diperolehi, disimpan, ditukar, dicungkil dan diguna pakai (Lahey, 2009). Seterusnya menurut Goldstein (2011), kognitif merujuk kepada dua fungsi iaitu; pertama, apa yang dilakukan oleh minda dan kedua, bagaimana minda memproses aktiviti-aktiviti mental. Menurut Suppiah et al. 2007), perkembangan kognitif merujuk kepada perubahan yang terjadi pada proses dan kemahiran mental mengikut pada kematangan fisiologi dan pengalaman yang dialami pada masa kanak-kanak. Perubahan-perubahan ini berkait rapat dengan interaksi antara genetik dan persekitaran. Seterusnya tahap perkembangan keupayaan kognisi bergantung kepada motivasi intrinsik dan ekstrinsik kanak-kanak.



Secara umumnya pada peringkat prasekolah kognitif dalam pembelajaran merupakan peningkatan dalam proses pemikiran dan proses informasi pada kanak-kanak (Suppiah, 2013b; 2014a). Kerana aspek ini berkaitan dengan pemikiran dan kecerdasan. Dalam proses pertumbuhan dan perkembangan pada awal usia kanak-kanak, tahap pencapaian perkembangan anak dapat dicapai pada lingkungan usia tertentu. Pada fasa ini, kebolehan intelektual kanak-kanak telah terbentuk dari usia 0-4 tahun. Sekiranya kanak-kanak ini tidak mendapat rangsangan pendidikan yang betul, pencapaian otak tidak akan berjalan dengan optimum (Munif Chatib, 2012: 13).

Menurut Nugraha, et al., (2015), dijelaskan bahawa perkembangan kognitif bertujuan mengembangkan kognisi kanak-kanak untuk dapat memproses





pemerolehan pembelajaran mereka, dapat mencari pelbagai alternatif penyelesaian masalah, membantu anak-anak mengembangkan kemahiran logik matematik dan pengetahuan tentang ruang dan masa, dan mempunyai kemampuan untuk menyusun, menjelaskan dan mempersiapkan diri untuk pengembangan kemampuan berfikir dengan teliti. Menurut (Geldard, 2012) mendedahkan bahawa faktor persekitaran mempunyai pengaruh paling besar dalam mengubah tingkah laku setiap anak. Ini bermaksud bahawa persekitaran keluarga adalah bahagian yang sangat penting dalam mendidik dan mengembangkan potensi anak-anak. Dalam usaha meningkatkan kemahiran kognitif dan bukan kognitif pada anak-anak, Heckman, et al., (2010). Menyebutkan bahawa penglibatan dan penempatan ibu dan bapa dalam pelbagai peringkat kitaran anak-anak dapat meningkatkan hasil akademik.



Ibu bapa sebagai pihak yang memudahkan anak dalam proses pendidikan perlu mempertimbangkan untuk mengoptimalkan tempoh keemasan anak kerana tempoh ini tidak akan berulang. Ibu bapa di rumah dan di sekolah mesti mempunyai koordinasi yang mencukupi untuk mengoptimalkan perkembangan kanak-kanak pada masa ini. Salah satu langkah yang biasanya dijalankan oleh ibu bapa untuk mengembangkan usia kegemilangan anak mereka iaitu dengan membawa anak mereka ke Pusat Utama, Pusat Jagaan Anak, dan TADIKA. Terutama ibu mengambil bahagian dalam kegemilangan anak-anak mereka. Kerana ibu adalah pendidik pertama. Maka, perkembangan anak bukan sahaja hasil proses pembelajaran di sekolah, tetapi disokong oleh peranan ibu bapa di rumah.





Hasil kajian terdahulu dilakukan Hidayat & Nur, (2018); Nur, Mulyana & Perdana, (2017) menyebutkan perkembangan hasil belajar kanak-kanak belum berjalan secara optimum dalam mengembangkan potensi anak. Penyebabnya antara lain kurangnya penglibatan ibu bapa yang seharusnya menjadi pengasuh pertama dan utama untuk anak. Di beberapa sekolah guru-guru di TADIKA ramai mendedahkan persoalan ibu daripada murid-murid yang tidak memperhatikan pendidikan dan pengajaran anak-anak mereka di rumah. Ini dipengaruhi oleh beberapa faktor yang dialami oleh salah satunya disebabkan oleh faktor konflik perceraian yang menyebabkan ibu harus menjalankan dua peranan secara bersamaan yang tidak dapat ditandingi oleh ibu tunggal semasa menjaga anak mereka. Sehingga anak tidak dapat berkembang dengan baik. Sebilangan kes ini menjadikan perkembangan kognitif kanak-kanak kurang berkembang secara



Semasa memberikan pengasuhan kepada kanak-kanak, bagi ibu tunggal mereka terpaksa berhadapan dengan pelbagai isu yang timbul akibat perubahan global dan ianya memberikan cabaran kepada ketahanan fizikal dan mental tidak kiralah dari aspek pendidikan kanak-kanak mahupun ketahanan sosioekonomi keluarga mereka.

Merujuk daripada Deborah J. Jones et al. (2003), konflik yang dialami dalam keluarga telah memberikan impak yang tidak baik bagi anak-anak. Beberapa kajian yang mendukung bahawa variabel keluarga paling penting dalam perkembangan anak. Keluarga dan suasana hidup keluarga sangat berpengaruh atas



taraf-taraf permulaan perkembangan (Gunarsa & Gunarsa, 2012). Tetapi disisi lain, merujuk pada kajian terdahulu Derrick (1977) menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan dalam kinerja kognitif anak yang dikarenakan struktur keluarga dan jenis kelamin anak (dalam Chilton, 1991). Ferrel (2009) juga tidak menemukan perbezaan nilai akademik antara murid yang tinggal dengan ibu bapa tunggal dan ibu bapa utuh.

Kajian seterusnya dijalankan oleh Chilton (1991) tentang pengaruh struktur keluarga terhadap kesiapan sekolah. Hasilnya menyatakan bahawa anak yang dibesarkan dalam kalangan ibu bapa utuh mendapatkan skor kesiapan sekolah lebih tinggi dibandingkan dengan anak yang dibesarkan ibu tunggal. Ini bermaksud kesiapan sekolah dapat dipahami sebagai kemahiran menyeluruh antara perkembangan kognitif, sosial-emosi, dan fisikal (Janus & Offord, 2007).

Kajian seterusnya yang dijalankan oleh Wenny (2014) melakukan kajian tentang kesiapan sekolah anak TADIKA dari kalangan ibu bapa tunggal dan ibu bapa utuh. Hasil dapatan kajian didapati perbezaan yang signifikan kesiapan sekolah antara anak yang berasal dari ibu bapa tunggal dengan ibu bapa utuh. Maka, hasil dapatan kajian tersebut bersesuaian dengan pendapat Rafoth, et., al (2004) menyatakan bahawa anak dari kalangan ibu bapa tidak bercerai lebih mempunyai kesiapan sekolah daripada kanak-kanak yang berasal dari ibu bapa tunggal. Hujah ini disokong juga oleh kajian yang telah dijalankan Hair, et al., (2006) mendapati bahawa kanak-kanak yang berasal dari ibu bapa utuh memiliki kekuatan pada semua dimensi kesiapan sekolah (kesehatan fisik, perkembangan sosio-emosional, pendekatan belajar, perkembangan bahasa dan perkembangan kognitif).



Hasil dapatan kajian ini menyokong teori Urie Bronfenbrenner yang menyatakan bahawa perkembangan kanak-kanak termasuk kesediaan sekolah dipengaruhi oleh persekitaran mereka. Salah satunya adalah persekitaran keluarga, yang termasuk dalam sistem mikrosistem di mana anak bertindak mempengaruhi sistem ini dan juga dipengaruhi oleh sistem ini. Untuk memahami kanak-kanak dalam keluarga, seharusnya kita mesti melihat persekitaran keluarga, iaitu suasana dan struktur atau komposisinya (Papalia, et al., 2008).

Berdasarkan perbezaan hasil dapatan kajian daripada kajian terdahulu, maka penyelidik ingin mengkaji lebih mendalam aspek yang menguntungkan untuk diterokai iaitu perkembangan kognitif kanak-kanak dalam kalangan ibu tunggal. Kerana fakta di lapangan sekarang ini kes ibu tunggal akibat perceraian semakin meningkat 3 peratus setiap tahun (Yulianto, 2018). Kes tersebut juga selalu menimbulkan impak negatif terhadap perkembangan kanak-kanak. Sehingga memerlukan perhatian yang serius dari berbagai pihak.

1.3 Pernyataan Masalah

Keluarga adalah suatu kumpulan yang terdiri dari orang-orang yang disatukan oleh ikatan perkahwinan, darah atau anak angkat, yang membentuk komposisi suri



rumah. Melakukan interaksi dan berkomunikasi satu sama lain yang menimbulkan peranan- peranan sosial bagi suami isteri, ibu bapa, anak laki-laki dan perempuan, saudara laki- laki dan perempuan dan merupakan pemeliharaan kebudayaan bersama (Khairuddin, 2016). Oleh kerana itu, isteri yang mengalami penderaaan dan penganiayaan oleh suami yang tidak bertanggung jawab mereka lebih memilih perceraian daripada mengekalkan perkahwinan yang penuh dengan penderitaan dan kesengsaraan. Ada isteri yang ditinggalkan oleh suami tanpa khabar berita serta tidak diberikan nafkah zahir dan batin maka bagi mereka perceraian juga adalah jalan penyelesaian dalam masalah suri rumah yang dihadapi.

Setelah melihat kenyataan di persekitan, permasalahan dan konflik tidak boleh dipisahkan dengan perkahwinan. Setiap pasangan yang berkahwin tidak lari daripada masalah dan konflik di dalam hubungan suami isteri tidak kira sama ada masalah tersebut disebabkan oleh isu kecil atau besar. Terdapat pelbagai sebab yang telah dikenalpasti oleh pengkaji yang menjadi faktor berlakunya konflik dalam suri rumah dan salah satunya yang paling menyedihkan apabila ramai pasangan yang tidak dapat menyelesaikan konflik tersebut dengan membuat keputusan untuk bercerai. Perceraian adalah salah satu penyebab banyaknya ibu tunggal terutama di Indonesia. Mengikut data Badan Pusat Statistik (2015) mengatakan bahawa di Indonesia terdapat 80 peratus jumlah persentase yang besar ada pada keluarga *single parent* dengan ibu sebagai ibu bapa tunggal dari 24 peratus ibu tunggal adalah kepala keluarga (BPS, 2015).

Perkara ini dilatar belakangi oleh jumlah kes perceraian yang semakin

meningkat dari tahun ke tahun. Indonesia merupakan salah satu Negara dengan tingkat kes perceraian yang cukup tinggi. Merujuk statistik yang dikeluarkan oleh Direktorat Jendral Badan Peradilan Agama Mahkamah Agung (Ditjen Badilag MA), menyebutkan bahawa di Indonesia, peningkatan kes dari masa ke trennya semakin meningkat. Pada tahun 2015 terdapat 347 256 kes, naik menjadi 365.633 kes perceraian di tahun 2016 atau 19,9 peratus dari 1,8 juta perkara yang berakhir ke pengadilan Agama se-Indonesia. Rata-rata angka perceraian naik 3 peratus per tahunnya. Angka tersebut merupakan angka tertinggi sejak 5 tahun terakhir (Fajhrianti, 2018).

Menurut data Badan Pusat Statistik (2019) juga menyebutkan pada tahun 2015 terdapat 353.843 kes perceraian. Sedangkan pada tahun 2016 ada 365.656 kes. Seterusnya meningkat lagi menjadi 374.516. Sementara data 2017, angkanya mencapai 18,8% dari 1,9 juta perkara dan pada tahun 2018 adalah 408.202 kes. Jika merujuk data terakhir tahun 2018, maka ada lebih 408.202 pasangan keluarga yang bercerai tahun itu meningkat 9% dibandingkan tahun sebelumnya. Jumlah yang tidak bisa terbilang sedikit. Penyebab terbesar perceraian pada 2018 adalah perselisihan dan pertengkaran terus menerus dengan 183.085 kes (BPS, 2019). Sementara itu, pada tahun 2020 per Ogos jumlahnya sudah mencapai 306.688 kes. Menurut data Badan Pusat Statistik (BPS), Nusa Tenggara Barat pada tahun 2015 ada 6.212 pasangan bercerai. Sedangkan pada tahun 2016 jumlahnya semakin meningkat menjadi 6.742 kes pasangan bercerai. Sedangkan menurut statistik dari data Pengadilan Agama Kabupaten Lombok Timur Hamzanwadi menyebutkan bahawa Lotim sebagai salah satu daerah di NTB tertinggi angka

perceraianya. dari bulan Oktober 2016, Pengadilan Agama Selong telah menerima 1.599 perkara tuntutan tersebut didominasi oleh kes perceraian, iaitu 884 kes perceraian dan Lombok Timur adalah antara 5 kadar perceraian tertinggi di Indonesia setelah Indramayu yang menduduki tempat pertama. Iaitu dengan menduduki tempat ke-3 peringkat kebangsaan. Seterusnya Mahkamah Agama Selong Kelas I (PA) memutuskan 765 permohonan perceraian pada tahun 2020. Jumlah ini adalah jumlah keputusan mahkamah dari Januari hingga Ogos 2020.

Jadi, dengan perceraian yang semakin meningkat setiap tahun. Kes ini menunjukkan bahawa perceraian atau kematian dalam keluarga adalah salah satu faktor utama yang menyebabkan ketidakseimbangan dalam keluarga itu sendiri, termasuk perubahan peranan dan beban tugas yang harus ditanggung untuk kelangsungan penjagaan anak (Solikhah, 2016).

Menurut (Amato, 2005) juga mengungkapkan bahawa anak-anak dalam keluarga ibu tunggal dapat melakukan semua perkara dengan baik, tetapi cenderung kurang fasih dalam hal pendidikan daripada anak-anak yang tinggal bersama kedua ibubapa. Suasana keluarga yang tidak kemas boleh menyebabkan anak-anak tidak belajar dengan baik malah memberi kesan negatif terhadap perkembangan mereka.

Dari banyaknya rungutan dari pada guru kanak-kanak di sekolah dapat menjadi perhatian semua pihak yang bertanggung jawab atas pengajaran ataupun

pengasuhan kanak-kanak. Walaupun tidak semua kes demikian tapi kenyataannya kondisi ibu tunggal tersebut sebagian besar menimbulkan impak negative yang dapat berpengaruh terhadap domain kognitif anak. Sebagaimana yang dikemukakan oleh Kartono (dalam Prajipto, 2017) mengungkapkan bahawa keluarga sendiri merupakan lembaga paling utama serta paling bertanggung jawab dalam menjamin kesejahteraan anak manusia kerana ditengah keluarga anak manusia dilahirkan dan di didik sampai menjadi dewasa.

Sehingga seorang anak dapat tumbuh dan berkembang baik dari aspek kognitif, psikomotor, sosial-emosi, dan sebagainya. Selain itu, guru dan ibu bapa memainkan peranan penting dalam mengembangkan dan menyokong pembelajaran kanak-kanak (Worth & Grollman, 2006), khususnya pembelajaran sains kanak-kanak (Riley & Roach, 2006) dan awal matematik. Menurut Riley & Roach, (2006), guru dan ibu bapa dapat merancang aktiviti pengajaran dalam persekitaran pembelajaran yang kaya dengan aktiviti-aktiviti sains dari aspek peralatan dan bahan-bahan yang mampu mencetuskan idea-idea, soalan dan pemikiran kreatif kanak-kanak.

Sebagai gambaran gaya keibubapaan yang diberikan oleh ibu bapa dalam mengasuh, membesarkan dan merawat dan mendidik anak yang berpengaruh secara langsung terhadap kemahiran anak dalam belajar (Surya, 2015). Kes ibu tunggal yang terdapat di Kota Selong Kabupaten Lombok Timur jumlahnya tidak cukup banyak dibandingkan dengan jumlah keluarga dengan anggota keluarga yang lengkap, namun kes ini menjadi daya tarik penulis untuk mengkaji



pengasuhan ibu tunggal dan impaknya pada perkembangan kognitif anak, adapun kerana banyaknya kes ibu tunggal membuat peneliti ingin mengetahui dan meneroka bagaimana pengasuhan ibu tunggal dan impaknya terhadap anak. Banyaknya domain perkembangan membuat peneliti membatasi kajian peneliti pada domain kognitif kanak-kanak.

Pada masa kanak-kanak, ibu tunggal mempunyai peluang terbaik untuk membantu anak berkembang secara optimum dalam semua domain yang mencakupi domain kognitif kerana perkembangan kognitif mempunyai kaitan dengan peranan ibudi rumah.



Kemampuan kognitif kanak-kanak daripada ibu tunggal di beberapa TADIKA saat ini masih dikategorikan belum dapat berkembang dengan baik seperti yang pengkaji lakukan semasa menjalankan pemerhatian awal di lapangan. Oleh itu selain daripada persekitaran sekolah menyokong pendidikan kanak-kanak, maka perlulah juga penglibatan efektif dijalankan di rumah. Ibu tunggal juga perlu mengambil masa lebih banyak mendidik anaknya. penglibatan ibu tunggal dalam mendidik kanak-kanak harus dapat sebagai aktiviti yang sah dan berterusan diantara penglibatan yang diberikan meliputi semua amalan, sokongan dan juga sumbangan untuk meningkatkan perkembangan kognitif serta mutu pelajaran kanak-kanak. Kerana mereka adalah orang yang paling utama memberikan pengasuhan bagi menjamin perkembangankanak-kanak.





1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka, mengenalpasti sama ada hubungan antara kepentingan penglibatan ibu bapa terutama pada kalangan ibu tunggal dalam perkembangan kognitif kanak-kanak. Kajian ini memfokuskan penglibatan ibu bapa kepada enam aspek utama mengikuti teori Epstein (2001) iaitu aspek keibubapaan, aspek komunikasi, aspek pembelajaran di rumah, aspek membuat keputusan, aspek kolaborasi dengan komuniti dan aspek kesukarelawanan. Namun dalam kajian ini penyelidik hanya akan fokuskan kepada item aspek pembelajaran di rumah yang membolehkan penglibatan ibu bapa dengan kerjasama sekolah dan komuniti luar untuk meningkatkan pencapaian perkembangan kognitif kanak-kanak.



1.5 Objektif Kajian

- 1.5.1 Menenalpasti tahap perkembangan kognitif bidang matematik awal kanak-kanak
- 1.5.2 Menenalpasti tahap perkembangan kognitif bidang sains awal kanak-kanak
- 1.5.3 Menenalpasti wujud perbezaan perkembangan kognitif kanak-kanak dengan penglibatan ibu tunggal mengikut demografi responden
- 1.5.4 Mengetahui sama ada terdapat hubungan antara perkembangan kognitif kanak-kanak dengan penglibatan ibu tunggal di rumah.





- 1.5.5 Meneroka perkembangan kognitif kanak-kanak dari kalangan ibu tunggal.
- 1.5.6 Meneroka amalan penglibatan ibu tunggal dalam mengatasi gangguan perkembangan kognitif kanak-kanak.

1.6 Persoalan Kajian

- 1.6.1 Apakah tahap perkembangan kognitif bidang matematik kanak-kanak?
- 1.6.2 Apakah tahap perkembangan kognitif bidang sains awal kanak-kanak?
- 1.6.4 Apakah wujud perbezaan perkembangan kognitif kanak-kanak dengan penglibatan ibu tunggal mengikut demografi responden?



- a. Apakah wujud perbezaan perkembangan kognitif kanak-kanak dengan umur ibu tunggal?
 - b. Apakah wujud perbezaan perkembangan kognitif kanak-kanak dengan taraf pendidikan ibu tunggal ?
 - c. Apakah wujud perbezaan perkembangan kognitif kanak-kanak dengan pekerjaan ibu tunggal?
 - d. Adakah wujud perbezaan perkembangan kognitif kanak-kanak dengan pendapatan ibu tunggal ?
- 1.6.4 Apakah terdapat hubungan antara perkembangan kognitif kanak-kanak dengan penglibatan ibu tunggal di rumah.
 - a. Apakah terdapat hubungan antara perkembangan kognitif bidang matematik kanak-kanak dengan penglibatan ibu tunggal?
 - b. Adakah terdapat hubungan antara perkembangan kognitif bidang sains



awalkanak-kanak dengan penglibatan ibu tunggal?

1.6.5 Bagaimanakah pandangan guru dan ibu tunggal tentang perkembangan kognitif kanak-kanak?

1.6.6 Apakah strategi amalan keibubapaan yang sesuai digunakan ibu tunggal dalam mengatasi gangguan perkembangan kognitif kanak-kanak?

1.7 Hipotesis

Berdasarkan kepada objektif persoalan kajian diatas, berikut ini dinyatakan hipotesiskajian dalam bentuk nol serta telah diuji kebenarannya pada paras $p =$

0.05: -

01: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap perkembangan kognitif bidang matematik awal kanak-kanak.

02 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap perkembangan kognitif kanak-kanak dengan taraf pendidikan ibu tunggal.


03 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap perkembangan kognitif kanak-kanak dengan penglibatan ibu tunggal mengikut demografi responden.

04 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara perkembangan kognitif kanak-kanak dengan penglibatan ibu tunggal di rumah.

05 : Tidak terdapat hubungan antara perkembangan kognitif kanak-kanak dari kalangan ibu tunggal.

06 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan penglibatan ibu tunggal dalam mengatasi gangguan perkembangan kognitif kanak-kanak.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

1.9 Kepentingan Kajian

Tujuan kajian ini adalah kelak diharapkan dapat memberikan impak yang positif kepada mereka yang terlibat dalam pendidikan awal kanak-kanak sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Selain itu, kajian ini adalah penting dijalankan oleh guru-guru khususnya yang terlibat dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak sebagai salah satu panduan untuk mendapat maklumat-maklumat yang berkaitan dengan penglibatan ibu bapa pada kalangan ibu tunggal dalam membantu perkembangan kognitif kanak-kanak. Kajian ini juga diharapkan memberi mamfaat kepada:

1.9.1 Ibu diharapkan dapat meningkatkan kepeduliannya terhadap pendidikan anak dan mengenalpasti pentingnya penglibatan mereka di rumah dan

1.9.2 Memberi pengetahuan kepada ibu bahawa perhatian dan peranan mereka dalam suri rumah sangatlah penting kerana kanak-kanak mula memperoleh bimbingan dan pendidikan adalah dari ibu bapa dan keluarganya. Maka, kajian ini secara tidak langsung akan memberi kesedaran kepada ibu bapa untuk memainkan peranan secara aktif dalam membantu meningkatkan perkembangan anak-anak mereka.

1.9.3 Dapat bermamfaat bagi kanak-kanak agar perkembangannya semakin optimum dan dapat berjaya dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak sampai kepada masa hadapan. Terutama kepada guru-guru yang terlibat dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

1.10 Batasan Kajian

Dalam suatu kajian diperlukan batasan kajian agar lebih terfokus kepada apa yang akan dikaji. Adapun yang menjadi batasan kajian dalam penyelidikan ini tentang perkembangan kognitif kanak-kanak dalam kalangan ibu tunggal di Kota Selong, Lombok Timur, adalah sebagai berikut:

1.10.2 Keibubapaan ibu tunggal dalam kajian ini iaitu ibu bapa yang berstatus (janda/balu) dalam memberikan pengasuhan kepada anak-anaknya yang berbentuk pengasuhan dalam kesehariannya yang tercermin dalam sikap, perilaku, maupun tindakan yang diukur pada penglibatan ibu di rumah.

1.10.2 Mengatasi gangguan atau hambatan pada domain kognitif anak iaitu pada aspek perkembangan matematik aawal kanak-kanak dan sains awal kanak-kanak. Pada kajian ini tindakan yang diberikan kepada anak ialah memberikan cerminan intervensi ibu bapa terhadap anak-anaknya dalam membantu mengatasi kesulitan belajar yang berkaitan dengan kognisi di persekitaran sekolah atau di persekitaran sosial.

1.11 Definisi Operasional

1.11.1 Ibu Tunggal

Menurut Hurlock (1999) ibu bapa tunggal (*single parent*) adalah ibu bapa yang telah menduda atau menjanda entah bapa atau ibu, bertanggung jawab untuk



memlihara anak-anak setelah kematian pasangannya atau perceraian anak diluar nikah.

Sager, et al., menyebutkan bahawa ibu bapa tunggal (*single parent*) ialah ibu bapa yang kehilangan dukungan dan kehadiran dari pasangannya dalam memelihara dan membesarkan anak-anaknya (Cahyani 2016).

Sedangkan mengikut pendapat Haffman dalam Ahsyari (2015) ibu bapa tunggal (*single parent*) adalah ibu bapa yang kehilangan pasangannya akibat perceraian maupun kematian, sehingga peran mereka sebagai orangtua merangkap baik menjadi ayah ataupun ibu dalam membesarkan dan mendidik anak, serta mengatur seluruh kepentingan dalam keluarga karena adanya perubahan sistem dalam keluarga.

Dalam institusi keluarga ibu bapa tunggal (*single parent*) terdapat dua macam iaitu ibu tunggal (*single mother*) dan bapa tunggal (*single father*) (Santrock dalam Ahsyari, 2015). Sedangkan menurut Horton dan Hunt (1981) dalam Sri Wahyuni, et al(2015) keluarga *single parent* ialah keluarga tanpa ayah atau tanpa ibu, hanya satu ibu atau bapa saja yang menjalankan peran serta fungsinya dalam keluarga. Keluarga yang mempunyai ibu bapa tunggal struktur keluarganya tidak utuh lagi dan tidak terpenuhi.





Di dalam kajian ini, yang akan dibahas adalah lebih terfokus mengenai ibu tunggal (*single mother*) dan kehidupan keluarganya. Hermia Anata Rahman (2014) menyatakan bahwa ibu tunggal adalah ibu sebagai ibu bapa tunggal yang menggantikan peranan bapa, dalam pelbagai aspek, seperti menjadi ketua keluarga, mencari nafkah, menjaga suri rumah dan anak-anak dan memenuhi keperluan keluarga yang lain. Pendapat lain juga menafsirkan bahawa ibu tunggal adalah mereka yang membesarkan anak mereka sendiri tanpa bantuan orang lain atau suami mereka (Hashimah, et al, 2015).

Seorang ibu boleh disebut sebagai ibu tunggal sekiranya terdapat keadaan di mana pasangan atau suami wanita tersebut telah meninggal dunia atau wanita yang telah diceraikan oleh suaminya serta diberi hak untuk mengasuh dan menjaga anak mereka. Dalam hal ini sifatnya wanita yang digantung (statusnya tidak jelas) kerana seorang wanita dalam proses perceraian tidak diberikan sokongan oleh suami atau (Fadillah, 2015).

1.11.2 Kanak-Kanak

Merujuk kepada Kamus Umum Bahasa Indonesia yang menerangkan makna kanak-kanak. Menurut etimologi, ia bermaksud manusia yang belum matang atau manusia yang masih kecil. Di Indonesia, ada beberapa definisi kanak-kanak menurut perundang-undangan dan para pakar. Namun, di antara beberapa





definisi tidak ada persamaan mengenai makna anak, kerana ia berada di latar belakang tujuan dan objektif undang-undang dan pakar masing-masing. Salah satunya ialah merujuk pada perundang-undangan Nomor 23 pada tahun 2002 yang menerangkan bahawa kanak-kanak didefinisikan berdasarkan Pasal 1 ayat (1) Undang-Undang Nomor 23 Tahun 2002 tentang Perlindungan Anak adalah seseorang yang belum berumur 18 (delapan belas) tahun, termasuk kanak-anak yang masih dibawah umur kandungan.

Pengertian yang sama juga mengikut pada Akta kanak-kanak 2001 (akta 611) di Malaysia yang menyebutkan bahawa pengertian kanak-kanak ditakrifkan sebagai seseorang yang berumur dibawah 18 tahun. Tempoh perkembangan awal kanak-kanak NAEYC (*The National Association for the Education of Young Children*) juga menyebutkan bahawa peringkat awal kanak-kanak merangkumi kanak-kanak yang baru dilahirkan hingga 8 tahun.

Merujuk kepada peringkat perkembangan pada manusia, pada peringkat awal kanak-kanak ialah dari lahir sehingga umur 8 tahun dan biasanya ia terbahagi dalam dua kategori iaitu lahir hingga 3 tahun dan dikenali sebagai peringkat bayi dan anak tatih.

Kategori yang kedua pula dikenali sebagai peringkat prasekolah atau awal kanak-kanak iaitu dari umur 3 hingga 5 atau 7 tahun; kategorinya antara





sesebuah Negara dengan Negara yang lain adalah berbeza bergantung kepada umur kanak-kanak yang masuk di persekolahan formal (Gordon & Browne, 2004). Dalam konteks kajian ini, kanak-kanak adalah mereka yang dapat menempuh pendidikan prasekolah dimulai dari peringkat umur 4 hingga 5 tahun di wilayah Selong, Lombok Timur.

1.11.3 Perkembangan Kognitif

Mengikut pakar psikologi perkembangan manusia dari aspek perubahan jasmani, kognitif, emosi, sosial, dan rohani adalah dapat dipengaruhi oleh dua faktor utama diantaranya ialah faktor baka dan faktor persekitaran. Terdapat keterkaitan antara perubahan kuantitatif dan perubahan kualitatif yang menuju arah tertentu.

Istilah *cognitive* berasal dari kata *cognition* yang padanannya ialah *knowing*, iaitu mengetahui. Dalam arti yang luas, *cognition* ialah perolehan, penataan dan penggunaan pengetahuan (Neiser dalam Jahja, 2013:56). Selain daripada itu, didalam kamus besar bahasa Indonesia, pengertian kognitif diartikan sebagai sesuatu yang berkaitan antara penglibatan kognisi berdasarkan kepada pengetahuan faktual yang empiris. Sedangkan menurut (Alwi, et al., 2002) menyebutkan bahawa proses kognisi ialah proses mental yang bertumpu kepada proses mengetahui (*knowing*) terhadap sesuatu (Berk, 2005).

Mengikut Yusuf (2005) mengemukakan bahawa kemampuan kognitif





ialah kemampuan anak untuk berfikir lebih kompleks serta melakukan penaakulan dan pemecahan masalah, berkembangnya kemampuan kognitif ini akan mempermudah anak menguasai pengetahuan umum yang lebih luas, sehingga dapat berfungsi secara wajar dalam kehidupan masyarakat sehari-hari. Seterusnya kognitif juga dapat diartikan sebagai kemampuan belajar atau berfikir untuk mempelajari keterampilan dan konsep baru, keterampilan dalam memahami perkara yang terjadi di persekitaran. Selain itu keterampilan dalam menggunakan daya ingat serta dapat menyelesaikan soal-soal sederhana (Pudjiati & Masykouri, 2011).

Sejalan dengan yang telah dikemukakan oleh Maslihah (2005) menyebutkan bahawa kognitif dapat diartikan sebagai kemahiran dalam memahami sesuatu. Artinya ialah menunjukkan kemampuan dalam menangkap sifat, arti, atau keterangan mengenai sesuatu serta mempunyai gambaran yang jelas terhadap perkara tersebut. Perkembangan kognitif tertumpu kepada kemampuan yang dimiliki oleh anak dalam memahami sesuatu (Maslihah, 2005).

Seterusnya PERMENDIKBUD RI nombor 146 Tahun 2014 menerangkan bahawa struktur kurikulum pendidikan awal kanak-kanak mengandungi beberapa program pengembangan pada pendidikan awal kanak-kanak, diantaranya ialah kemahiran kognitif. Sebagai salah satu kemahiran asas dalam kurikulum pendidikan awal kanak-kanak mendapati peranan strategis. Adapun program dalam pengembangan kognitif mencakup perwujudan suasana untuk mengembangkan proses kematangan berfikir dalam konteks bermain (Permendikbud, 2014).





1.11.4 Pembelajaran di Rumah

Merujuk daripada pendapat (Rustaman, 2001), Proses pembelajaran adalah proses di mana terdapat aktiviti antara guru dengan pelajar atau komunikasi timbal balik yang berlaku dalam situasi pendidikan untuk mencapai matlamat pembelajaran. Sedangkan menurut Robert F. Mager (Uno, 2008) Pembelajaran ialah tingkah laku yang hendak dicapai atau yang boleh dilakukan oleh pelajar dalam keadaan dan tahap kecekapan tertentu. Sedangkan menurut (Mufida, 2018) pembelajaran ialah produk rakyat sendiri, iaitu dapat hidup tanpa berubah untuk menghadapi ancaman dan cabaran masa hadapan. Sehingga dalam kajian ini menyebutkan pembelajaran di rumah sebagai proses aktiviti yang dijalankan di rumah bersama kanak-kanak.



1.11.5 Penglibatan Ibu

Menurut Kurtulmus & Zeynep (2016) Penglibatan ibu bapa didefinisikan pelbagai tingkah laku ibu bapa yang secara langsung dan tidak langsung dalam mempengaruhi perkembangan kognitif, emosi, fizikal dan pencapaian kanak-kanak di sekolah .

Dalam kajian ini, penglibatan ibu yang dimaksud adalah merujuk kepada perasaan simpati dan tidak mahu menambah beban guru dalam memikirkan strategi dalam pendidikan anak di sekolah mahupun di rumah. Mereka tidak menaruh kepercayaan sepenuhnya kepada guru untuk mengajar anak mereka.





1.12 Rumusan

Bab ini membincangkan latar belakang dan penjelasan yang mendasari penyelidikan. Isu perkembangan kognitif sangat penting untuk dikaji hari ini, kerana perkembangan kognitif yang rendah dapat menghambat perkembangan kanak-kanak di masa hadapan, terutama di Indonesia. ini adalah fakta bahawa terdapat kajian yang mencukupi mengenai perkembangan kognitif. Tetapi, dengan begitu banyak teori dan perbincangan yang ada, penerokaan lebih lanjut mengenai perkembangan kognitif kanak-kanak dan bagaimana ia dapat dilaksanakan dalam konteks kalangan keluarga ibu tunggal. Kajian ini memfokuskan ibu tunggal yang mempunyai anak yang sedang menempuh pendidikan di TADIKA untuk usia 5-6

